

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (37)

15 Januari 2025
15 Rejab 1446H

PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2025

PERUBAHAN KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P) BAGI MINGGU PERTAMA HINGGA MINGGU KETIGA SEMESTER II SESI AKADEMIK 2024/2025 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Merujuk kepada Pekeliling Akademik Bil. 2/2024 bertarikh 2 April 2024 berkaitan Kalendar Akademik UTM Sesi 2024/2025 bagi pelajar Sarjana Muda dan Pascasiswazah, kuliah Semester II Sesi Akademik 2024/2025 pada minggu pertama hingga minggu ketiga yang merangkumi cuti umum perayaan Hari Raya Aidilfitri.

2. Mengambil kira keperluan pelajar untuk pulang ke kampung bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik Bil. 1/2025 pada 14 Januari 2025 telah bersetuju semua aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) mulai **17 Mac 2025 hingga 4 April 2025 (minggu pertama hingga minggu ketiga Semester II Sesi 2024/2025)** akan dilaksanakan secara dalam talian. Semua aktiviti akademik yang berkaitan dengan makmal, studio, ujian dan lain-lain yang memerlukan kehadiran fizikal akan dijadualkan semula. Kaedah pengendalian atas perubahan ini adalah tertakluk kepada pengurusan fakulti masing-masing.

3. Keputusan ini juga terpakai kepada semua pelajar Diploma dan juga Asasi serta semua pelajar yang berada di kampus UTM Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pagoh.

Diucapkan Selamat Menempuhi Bulan Ramadan yang suci dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Sekian, harap maklum.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. TS. DR. ALI BIN SELAMAT)

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

Sekiranya terdapat perbezaan maksud dalam Pekeliling Bahasa Inggeris maka Versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Dekan
 - Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
 - Fakulti Pengurusan (FM)
 - Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
 - Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)
 - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
 - Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT)
 - Fakulti Komputeran (FC)
 - Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
 - Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST)
 - Fakulti Sains (FS)
 - Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI)
 - Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)
 - Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia - Jepun (MJIT)
 - Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)
 - Pengerusi
 - Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)
 - Sekolah Pengajian Prasiswazah (UGS)
 - Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SPSMP)
 - Akademi Tamadun Islam (ATI)
 - Akademi Bahasa (AB)
 - Pengarah
 - Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel (UTMCDex)
 - Pusat Akreditasi UTM (UTMAce)
 - Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum (UTMCAQ)
 - Jabatan Perkhidmatan Digital (UTM Digital)
 - Timbalan Pendaftar Kanan / Timbalan Pendaftar
 - Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Jabatan Pendaftar
 - Yang di-Pertua
 - Majlis Perwakilan Pelajar UTM